

27 JUL 1999

LID-MAHATHIR

MAHATHIR DIMINTA WAKILI NEGARA MEMBANGUN DI SIDANG KEMUNCAK G-7

LANGKAWI, 27 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad diminta oleh seorang pegawai Republik Kyrgyz supaya membuat ucapan bagi pihak negara-negara membangun di Sidang Kemuncak Kumpulan Tujuh (G-7) pada akhir tahun ini.

Speaker Parlimen Republik Kyrgyz Usup Mukambayev menimbulkan perkara itu semasa pertemuannya dengan Dr Mahathir di acara sampingan Dialog Antarabangsa Langkawi (LID) keempat di sini hari ini.

Bagaimanapun ia tidak dapat disahkan dengan serta-merta.

Usup berkata kerja keras dan usaha Dr Mahathir yang tidak mengenal letih mempertahankan negara-negara membangun daripada bajingan spekulator matawang telah melayakkan beliau gelaran "Suara Asia" dari negara-negara Membangun.

"Ativiti Yang Amat Behormat di arena antarabangsa untuk melindungi ekonomi negara-negara membangun memberikan kami hak melantik anda sebagai Suara Asia," katanya kepada satu sesi LID.

Beliau berkata negara-negara membangun gembira suara Dr Mahathir telah menarik perhatian dunia dan ini juga mendorong pemimpin negara-negara G-7 memutuskan untuk mengkaji masalah spekulasi matawang yang tidak dikawal dan kesannya kepada krisis kewangan Asia.

G-7 terdiri dari Britain, Kanada, Perancis, Jerman, Itali, Jepun dan Amerika Syarikat. Jika disertai Russia, kumpulan itu dikenali sebagai G-8.

Usup berkata ucapan-ucapan Dr Mahathir di berbagai forum antarabangsa telah menggesa "perubahan terpenting" kepada peraturan yang membenarkan para spekulator mengaut wang yang besar dengan menjahanamkan ekonomi-ekonomi dunia membangun.

Beliau juga memuji Malaysia kerana melaksanakan langkah-langkah yang betul untuk merangsang ekonominya dan meletakkannya di atas landasan pemulihan dalam tempoh yang pendek.

"Kami kagum dengan keteguhan hati anda dalam memulihkan ekonomi tanpa sebarang bantuan kewangan yang besar dari luar," kata Usup.

Beliau juga memberi maklumat terbaru kepada Dr Mahathir mengenai cadangan Malaysia untuk membina kilang penapisan minyak sawit di Kyrgyzstan.

"Kami bersedia menerima semua syarat bagi merealisasikan projek ini," kata Usup. -- BERNAMA

ES JR